

Newspaper	Utusan Melayu
Date	21/08/2017B

Siasatan kerugian BNM sebanyak RM44b zaman Dr. M

RCI: Murad beri keterangan hari ini

UM-21/8/2017 ps.11

Oleh C. SHEILA RANI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 OGOS

BEKAS Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Murad Khalid akan memberi keterangan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes kerugian BNM sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) melalui kegiatan perdagangan mata wang sekitar 1990-an, esok.

Perkara itu disahkan oleh Abdul Murad kepada *Utusan Malaysia* melalui aplikasi *WhatsApp* di sini hari ini.

Keterangan Abdul Murad sememangnya ditunggu-tunggu ramai kerana beliau bertanggungjawab mendedahkan skandal tersebut yang berlaku ketika era pemerintahan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kerugian berbilion ringgit yang dialami BNM itu juga dikatakan terbesar pernah dicatatkan dalam sejarah perbankan antarabangsa.

Prosiding kali kedua yang akan diadakan di Mahkamah Rayuan 6, Istana Kehakiman, Putrajaya selama 10 hari, bakal didengari oleh panel yang dipengerusikan oleh Pengerusi Petroleum Nasional Berhad (Petronas), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Turut menganggotai ialah Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamaludin Md. Said; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad; Datuk Seri Tajuddin Atan; Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudacara Perniagaan, Tan Sri Saw Choo Boon; Ahli Institut Akauntan Malaysia, K. Pushpanathan dan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Yusof Ismail yang juga setiausaha suruhanjaya siasatan itu.

Suruhanjaya itu yang ditubuhkan pada 15 Julai lalu dan keang-

gotaannya mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V.

Dalam satu temu bual dengan *Utusan Malaysia* pada 26 Januari lalu, Abdul Murad menjelaskan, kerugian yang dicatatkan BNM melalui kegiatan pemerdagangan mata wang sepanjang 1991 hingga 1993 adalah jauh lebih besar daripada jumlah yang dilaporkan oleh bank pusat tersebut.

Katanya, Laporan Tahunan BNM pada 1994 hanya mencatatkan kerugian sebanyak RM9 bilion akibat kegiatan itu, sedangkan angka sebenar adalah jauh lebih besar.

"Apa yang menghairankan adalah tiada siasatan lanjut dijalankan walaupun kerugian mencecah RM44 bilion, malah pihak berkuasa mempersoalkan perkara tersebut namun ia terhenti di situ sahaja," kata Abdul Murad seperti dipetik dalam temu bual itu.

Dalam prosiding pertama yang diadakan pada 8 Ogos lalu menyaksikan suruhanjaya siasatan itu menolak permohonan dua pemimpin pembangkang untuk mencabar komposisi keanggotaan ahli panel bersidang.

Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang bertindak sebagai peguam pemerhati Dr. Mahathir dan R. Sivarasa yang mewakili Datuk Seri Anwar Ibrahim memohon agar mereka diberi peluang mengemukakan permohonan secara bertulis untuk mencabar komposisi ahli panel atas isu berat sebelah.

Peguam itu menyatakan, Mohd. Sidek dan Choo Boon sebelum ini terlibat dalam pasukan petugas khas yang mencadangkan pembentukan suruhanjaya berkenaan.

Mohamed Haniff Khatri me-



ABDUL MURAD KHALID

nyatakan, penglibatan kedua-duanya dikhuatiri menimbulkan persepsi awam bahawa suruhanjaya itu tidak berlaku adil ketika mengendalikan siasatan.

Bagaimanapun, Mohd. Sidek membuat keputusan untuk meneruskan prosiding yang bermula esok sehingga

21 September ini selepas menderang hujan kedua-dua belah pihak daripada wakil jawatankuasa yang mengesyorkan, Datuk Suhaimi Ibrahim dan dua wakil peguam itu.

Mohd. Sidek menjelaskan, prosiding RCI berbeza dengan perbicaraan mahkamah yang mana ia terdiri daripada pendakwa raya, malahan RCI ditubuhkan selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk melaksanakannya.

Usaha Dr. Mahathir menandatangani prosiding menerusi permohonan di Mahkamah Rayuan juga ditolak.

Permohonan tersebut difailkan bagi memohon penangguhan prosiding suruhanjaya siasatan daripada bersidang sementara menunggu rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak kebenaran semakan kehakiman, didengar dan diputuskan oleh panel lain Mahkamah Rayuan.

Pada 17 Ogos lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan pemimpin pembangkang itu bagi mendapat kebenaran memulakan semakan kehakiman untuk menggugurkan pelantikan Mohd. Sidek dan Choo Boon selepas membenarkan bantahan awal Kerajaan Malaysia.

Sehubungan itu, prosiding yang dijadualkan berlangsung selama 10 hari bermula esok akan didengar oleh panel serupa yang dipengerusikan oleh Mohd. Sidek,